- 2.3 Tertakluk kepada penerimaan wang bayaran tebusan sepenuhnya, Kami bersetuju untuk melaksanakan pelepasan cagaran bagi hartanah/lot tersebut diatas sebaik sahaja hakmilik strata/berasingan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan.
- 2.4 Sekiranya pelepasan cagaran tidak boleh didaftarkan, Kami berjanji dan bersetuju untuk mengembalikan kepada Perbendaharaan Malaysia kesemua wang tebusan, tanpa faedah yang telah dibayar bagi hartanah/lot berkenaan dan setelah penerimaan wang tebusan itu oleh Perbendaharaan Malaysia, maka kaveat pendaftar yang dimasukkan hendaklah dibatalkan. Dengan syarat selalunya, setelah Kami menerima bayaran wang tebusan dengan sepenuhnya, dan bilamana Kami sebagai pemegang gadaian kepada tanah yang dicagarkan oleh Pemaju, akan dijual oleh Kami maka Kami berjanji dan bersetuju untuk mengeluarkan atau mengecualikan hartanah/lot berkenaan di atas daripada jualan tersebut.
- 2.5 Sekiranya apa-apa prosiding halang tebus diambil oleh kami sebagai Pemegang Gadaian, Kami berjanji dan bersetuju untuk mengecualikan harta berkenaan di atas dari prosiding halang tebus tersebut. Dengan syarat seterusnya, jika kaveat telah dimasukkan oleh Tuan atas hartanah tersebut ataupun sebahagian daripadanya, Tuan bersetuju dan berjanji untuk memberi persetujuan bertulis untuk tujuan pembatalan atau pengecualian kaveat tersebut mengikut mana yang berkenaan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan Notis bertulis yang diserahkan dan diakui terima oleh Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia.
3. Kami memberi Akujanji untuk memulangkan kepada Tuan segala wang tebusan sekiranya untuk apa-apa sebab pelepasan cagaran Kami bagi harta tersebut tidak boleh didaftarkan dengan syarat hakmilik strata/individu tersebut dikembalikan kepada Kami.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
 (Tandatangan Pegawai Bank/Institusi Kewangan)

.....  
 Nama Penandatangan

.....  
 Jawatan

Tarikh:.....

.....  
 (Cop Rasmi Bank/Institusi Kewangan)

\* Diisikan Nama Peminjam jika harta diatas dua nama suami isteri sahaja.

(Hendaklah dibuat dengan menggunakan Letter Head Pemaju/Penjual  
Dan Letter Head Firma Peguam Untuk Perenggan 12)

**AKUJANJI PEMAJU/TUAN TANAH DAN PEMEGANG PERTARUHAN  
UNTUK PINDAHMILIK HAKMILIK STRATA/INDIVIDU KEPADA PEMINJAM  
DAN DIGADAI KEPADA KERAJAAN MALAYSIA**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Kementerian Kewangan  
Blok 8, Tingkat 7-13  
Jalan Duta  
**50592 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**Nama dan alamat penuh Pemaju/Tuan Tanah:**.....  
.....

**Projek Perumahan:**.....

**Butir-butir Hakmilik Induk: No. Hakmilik**.....

**No. Lot/PT.Plot.....Mukim.....Daerah/Bahagian**.....

**Butir-butir Harta (seperti dalam Surat Perjanjian Jual-Beli):**

**Petak Rumah Kediaman: No. Petak:.....No. Tingkat.....No. Bangunan**.....

**Nama Peminjam (1)**.....

**(No. K/P):Baru..... Lama**.....

**\*(2)**.....

**(No. K/P):Baru..... Lama**.....

Sebagai balasan kepada Kerajaan Malaysia yang telah melepaskan kepada kami sejumlah wang pinjaman seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman/Pembiayaan kepada Pembeli/Peminjam/Penerima Biaya yang tersebut diatas secara berperingkat berdasarkan pengeluaran Sijil Arkitek mengikut jadual pembayaran seperti dalam Jadual Ketiga Kepada Jadual G/H di dalam Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1989 atau mengikut Undang-undang Yang terpakai di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak diantara Pembeli/Peminjam/Penerima Biaya di atas dan Pemaju/Tuan Tanah, **DENGAN SYARAT**, perbezaan diantara harga belian dan jumlah telah dijelaskan sepenuhnya oleh Pembeli/Peminjam/Penerima Biaya, Kami dengan ini **bersetuju**:

1. Memberi kebenaran untuk menyerahhkan harta tersebut di atas daripada Pembeli/Peminjam/Penerima Biaya yang tersebut namanya di atas kepada Kerajaan Malaysia;

2. Mengakujanji:-
  - i. untuk mendapatkan dan menyerahkan kepada Kerajaan Malaysia, Sijil Kelayakan Menduduki bagi harta tersebut di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Perjanjian Jualbeli;
  - ii. untuk memohon dokumen hakmilik strata/individu bagi harta tersebut di atas tidak lewat daripada 6 bulan dari tarikh Sijil Kelayakan Menduduki dan apabila dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, mengemukakannya kepada 'Pemegang Pertaruhan' bebas dari sebarang kepentingan berdaftar;
  - iii. untuk mengemukakan dokumen hakmilik strata/individu bagi harta tersebut di atas kepada Pemegang Pertaruhan dalam tempoh masa yang munasabah selepas Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan; dan
  - iv. mendapatkan surat-surat kebenaran pindahmilik dan/atau gadaian daripada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan mengikut mana yang berkenaan, selepas hakmilik strata/individu dikeluarkan;
  
3. Menyempurnakan dan menyerahkan kepada Pemegang Pertaruhan Instrumen Pindahmilik yang sah dan boleh didaftarkan, atas nama Pembeli/Peminjam/Penerima Biaya bersama-sama dengan dokumen hakmilik strata/individu.
  
4. Mengesahkan bahawa Hakmilik Induk.....  
 No. Lot/PT/Plot.....Mukim.....  
 Daerah.....yang di atasnya harta tersebut didirikan telah digadaikan kepada .....  
 Yang pejabat berdaftaranya ialah di.....  
 Dan membenarkan Kerajaan Malaysia membuat sebarang bayaran amaun tebusan harta daripada jumlah amaun pinjaman/pembiayaan yang diluluskan, secara terus kepada Pemegang gadaian.
  
5. Memulangkan tanpa faedah/keuntungan kepada Kerajaan Malaysia semua bayaran yang telah dilepaskan, sekiranya pembinaan bangunan tidak dapat disiapkan dengan sempurna dan/atau Instrumen Melepaskan Gadaian dimana berkenaan atau Instrumen Pindahmilik atas nama Pembeli/Peminjam/Penerima Biaya tidak boleh didaftarkan atas apa-apa jua sebab.
  
6. Tidak akan mengadakan sebarang urusan seterusnya ke atas Hakmilik Induk kecuali urusan berkaitan dengan permohonan hakmilik strata/individu.

7. Membenarkan Kerajaan Malaysia memasukkan Kaveat Pendaftar ke atas Hakmilik Induk dengan Akujanji untuk memberi kebenaran sehubungan dengan permohonan kami untuk pecah sempadan Hakmilik Blok dengan mengemukakan surat akaun terima bagi proses pecah sempadan itu oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan bagi tujuan pengeluaran dokumen hakmilik strata/individu dan permohonan bagi urusan berkenaan tidak boleh dibuat sebelum harta tersebut di atas siap pembinaanya.
  
8. Saya/kami dengan ini mengakujanji untuk memindahkan hakmilik strata/individu yang diperihal diatas ke dalam nama Peminjam/Penerima Biaya sebaik sahaja hakmilik strata/individu dikeluarkan dan menyerahkannya bersama-sama dengan Instrumen Pindahmilik yang sah dan sempurna dilaksanakan kepada Firma Peguam yang menjadi Pemegang Pertaruhan.
  
9. Pemegang Pertaruhan yang akan mengambil tindakan untuk melaksanakan Pindahmilik, Gadaian harta dan penyerahan hakmilik dan Pendua Gadaian kepada Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman ialah:-  
.....  
(Nama Firma Peguam)  
beralamat.....
  
10. Saya/Kami bersetuju bahawa segala pembayaran oleh Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman akan dibuat melalui Firma Peguam di atas yang dibenarkan oleh Peminjam/Penerima Biaya dan Firma Peguam itu akan menjadi Pemegang Pertaruhan untuk melaksanakan dokumentasi urusanniaga dan gadaian seperti yang diperihalkan dalam perenggan (8) dan (9) di atas.
  
11. Saya/Kami bersetuju dengan kaedah bayaran kemajuan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada jadual G/H di dalam Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 dan mengikut undang-undang yang terpakai di Negeri Sabah atau Sarawak.

.....  
(Tandatangan Pemaju)

.....  
(Tandatangan Tuan Tanah)

.....  
(Nama Penandatangan)

.....  
(Nama Penandatangan)

Alamat Penuh Tuan Tanah;  
.....  
.....  
.....

Tarikh :.....

Tarikh :.....

12.

**PERAKUAN PEMEGANG PERTARUHAN**

**(Hendaklah dibuat dengan menggunakan Letter Head Firma Peguam)**

Kami telah membaca kandungan-kandungan di atas dan dengan ini bersetuju mematuhi kandungan-kandungan itu dan berjanji akan :

- i. menyerahkan Instrumen Pindahmilik di atas nama Peminjam/Penerima Biaya dan Instrumen Gadaian kepada Kerajaan Malaysia yang telah sempurna dilaksanakan untuk pendaftaran di Jabatan/Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan, sebaik sahaja hakmilik strata/Individu telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan dan diterima oleh kami, dengan syarat amaun perbezaan diantara harga belian dan pinjaman/pembiayaan perumahan telah dijelaskan sepenuhnya oleh Pemohon/Pemohon-pemohon.
- ii. mengerjakan dengan daya usaha yang sepenuhnya untuk mendapatkan balik Hakmilik strata/Individu daripada Jabatan/Pejabat Tanah dan Daerah berkenaan sebaik sahaja Instrumen pindahmilik dan Instrumen Gadaian itu sempurna didaftarkan dan menyampaikan Hakmilik strata/Individu dan Pendua Gadaian kepada Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman/Pembiayaan.

.....

Tandatangan

Tarikh:.....

.....

Nama Penandatangan

\* Diisikan nama peminjam Pinjaman Bersama sahaja jika harta di atas dua nama suami isteri.

**AKUJANJI PEMAJU/TUAN TANAH DAN PEMEGANG PERTARUHAN  
UNTUK DIPINDAHMILIK HAKMILIK INDIVIDU KEPADA PEMINJAM/PENERIMA BIAYA  
DAN DIGADAI KEPADA KERAJAAN MALAYSIA  
(Hendaklah dibuat dengan menggunakan Letter Head Pemaju/Penjual  
Dan Letter Head Firma Peguam untuk perenggan 6)**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Kementerian Kewangan  
Blok 8, Tingkat 7-13  
Jalan Duta  
**50592 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**AKUJANJI MEMINDAHMILIK HAKMILIK KEPADA  
PEMINJAM/PENERIMA BIAYA**

**Nama Peminjam/Penerima Biaya (1).....**  
**(No. K/P):Baru..... Lama.....**  
**\*(2).....**  
**(No. K/P):Baru..... Lama.....**

1. Merujuk kepada permohonan pinjaman/pembiayaan perumahan Perbendaharaan Malaysia oleh yang tersebut di atas, saya mengemukakan di bawah ini butir-butir tanah dan bangunan yang dicadangkan untuk dibeli:-

Butir-butir Harta (seperti dalam Surat Perjanjian Jual-Beli)

- i. No. Hakmilik.....
- ii. No. Plot/Lot/PT.....
- iii. Petak/Tingkat/Blok (Untuk Kes Stratified Property)  
.....
- iv. Tempat.....
- v. Mukim.....
- vi. Daerah/Bahagian.....

2. Saya/kami dengan ini mengakujaji untuk memindahmilik hakmilik individu yang diperihalkan dalam perenggan 1 diatas ke atas nama Peminjam/Penerima Biaya dan menyerahkan bersama-sama dengan Instrumen Pindahmilik yang sah dan sempurna dilaksanakan kepada Firma Peguam yang menjadi Pemegang Pertaruhan.

3. Pemegang Pertaruhan yang akan mengambil tindakan untuk melaksanakan Pindahmilik, Gadaian harta dan penyerahan hakmilik dan Pendua Gadaian kepada Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman ialah:-

.....  
(Nama Firma Peguam)  
beralamat.....

4. Saya/Kami bersetuju bahawa segala pembayaran oleh Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman akan dibuat melalui Firma Peguam di atas yang dibenarkan oleh Peminjam/Penerima Biaya dan Firma Peguam itu akan menjadi Pemegang Pertaruhan untuk melaksanakan dokumentasi urusan pindahtanah dan gadaian seperti yang diperihalkan dalam perenggan (2) dan (3) di atas.

5. Saya/Kami bersetuju dengan kaedah bayaran kemajuan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Jadual G di dalam Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1989 atau mengikut undang-undang yang terpakai di Negeri Sabah atau Sarawak.

.....  
Tandatangan Pemaju

.....  
Nama Penandatangan

Tarikh.....

.....  
Tandatangan Tuan Tanah

.....  
Nama Penandatangan

Alamat Penuh Tuan Tanah;  
.....  
.....  
.....

Tarikh:.....

*\* Diisikan nama Peminjam/Pembeli, jika harta diatas dua nama suami-isteri sahaja.*

6.

**PERAKUAN FIRMA PEGUAM**

**(Hendaklah dibuat dengan menggunakan Letter Head Firma Peguam)**

Kami telah membaca kandungan-kandungan di atas dan dengan ini bersetuju mematuhi kandungan-kandungan itu dan berjanji akan :-

- i. menyerahkan Instrumen Pindahmilik di atas nama Peminjam/Penerima Biaya dan Instrumen Gadaian kepada Kerajaan Malaysia yang telah sempurna dilaksanakan untuk pendaftaran di Jabatan/Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan, dengan syarat amaun perbezaan diantara harga belian dan pinjaman/pembiayaan perumahan telah dijelaskan sepenuhnya oleh Peminjam/Penerima Biaya.
  
- ii. mengusahakan dengan daya usaha yang sepenuhnya untuk mendapatkan balik Hakmilik Individu daripada Jabatan/Pejabat Tanah dan Daerah berkenaan sebaik sahaja Instrumen Pindahmilik dan Instrumen Gadaian itu sempurna didaftarkan dan menyampaikan Hakmilik Individu dan Pendua Gadaian kepada Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman/Pembiayaan.

.....  
(Tandatangan Peguam)

Tarikh:.....

.....  
(Nama Penandatangan)



(KHAS UNTUK KES ASSIGNMENT DI NEGERI SABAH/SARAWAK)

AKUJANJI PEMOHON MENANGGUNG RUGI (INDEMNITY) YANG  
MEMBELI HARTA TIADA HAKMILIK INDIVIDU/STRATA

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Kementerian Kewangan  
Blok 8, Tingkat 7-13  
Jalan Duta  
50592 KUALA LUMPUR

Tuan,

Peminjam/Penerima Biaya (1).....No. K/P:.....

\*(2).....No. K/P:.....

Butir-butir Petak Kediaman: No.Lot.....

(Seperti dalam Surat Perjanjian Jualbeli)

Lokasi/Blok/Seksyen.....Mukim.....Daerah/Bahagian.....

Saya/Kami.....

No. K/P:..... dengan ini mengakui bahawa permohonan pinjaman/pembiayaan perumahan yang dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia adalah tidak mempunyai hakmilik individu/strata. Walau bagaimanapun permohonan pinjaman/pembiayaan untuk membeli harta yang dibina oleh Pemaju.....

adalah diberi kelonggaran syarat oleh Perbendaharaan Malaysia kerana suratan hakmilik individu yang berkenaan masih belum didaftarkan. Oleh yang demikian saya/kami adalah bertanggungjawab sendiri terhadap sebarang kejadian yang mungkin timbul pada bila-bila masa atau di atas satu-satu sebab saya/kami gagal untuk mendaftarkan pindahmilik harta yang berkenaan apabila diperlukan. Saya/kami juga memberi Akujanji untuk menanggung rugi 'indemnity' Kerajaan Malaysia daripada dan terhadap segala gantirugi kos guaman dan lain-lain perbelanjaan yang berbangkit daripada kelonggaran syarat ini, jika ada.

2. Saya/kami juga **BERSETUJU** bahawa:-

- a. Harta yang berkenaan tidak boleh dijual atau diserahkan kepada pembeli lain yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan yang memohon pinjaman/pembiayaan perumahan Kerajaan kecuali suratan hakmilik Individu/Strata bagi harta yang berkenaan telah didaftarkan;

- b. Akan menyempurnakan dengan serta merta bagi memastikan suratan hakmilik individu/strata bagi lot yang berkenaan dipindahmilik atas nama saya/kami dan digadai atas nama FEDERAL LANDS COMMISSIONER secara serentak dan akan menanggung segala kos mengurus 'fees' dan lain-lain bayaran MENGENAINYA. Sekiranya satu Notis yang telah dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman/Pembiayaan bagi melaksanakan pendaftaran pindahmilik dan gadaian ke atas suratan hakmilik individu/strata yang berkenaan tidak dipatuhi, Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman/Pembiayaan berhak membatalkan pinjaman/pembiayaan perumahan yang diluluskan; dan
- c. Akan menanggung perbelanjaan untuk kemasukkan Kaveat Persendirian dan pembaharuannya sehingga hakmilik individu didaftarkan dan dikeluarkan.

Sekian,

Yang benar,

1. .... Tarikh.....  
(Tandatangan Peminjam/Penerima Biaya)

.....  
(Nama Penandatangan)

2. .... Tarikh.....  
(Tandatangan Peminjam/Penerima Biaya)

.....  
(Nama Penandatangan)

\* Bagi diisi oleh peminjam Kedua Pinjaman Bersama.

**(KHAS UNTUK KES ASSIGNMENT DI NEGERI SABAH/SARAWAK)**

**(Hendaklah dibuat dengan menggunakan Letter Head Bank/Institusi Kewangan)**

**SURAT PENOLAKAN TUNTUTAN KEPENTINGAN (DISCLAIMER OF INTEREST)  
DARIPADA PEMEGANG GADAIAN**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Kementerian Kewangan  
Blok 8, Tingkat 7-13  
Jalan Duta  
**50592 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan  
Surat Penolakan Tuntutan Kepentingan  
(Disclaimer of Interest)  
Butir-butir Hakmilik Harta:**

**No. Hakmilik..... Mukim.....Bandar/Daerah.....**

**Nama Peminjam/Penerima Biaya:(a).....No. K/P:.....**

**(b)\*.....No.K/P:.....**

Sebagai balasan kepada persetujuan Tuan untuk melepaskan wang tebusan berjumlah Ringgit Malaysia.....(RM.....)

Terhadap hartanah/lot....., tertakluk kepada nilai peringkat kemajuan kerja/sijil kesiapan dari arkitek, dimana jumlah wang untuk menebus harta adalah sama dengan jumlah yang akan dituntut mengikut nilai peringkat kemajuan, maka Kami, sebagai Pemegang Gadaian berdaftar bagi hartanah/lot tersebut dengan ini **mengisytiharkan** dan **bersetuju** dengan Tuan seperti berikut:-

- 1.1 Bahawa walaupun kepentingan Kami diatas cagaran yang sedia ada sekarang, kami hendaklah dengan penerimaan wang tebusan terhadap hartanah/.lor berkenaan, tiada lagi mempunyai apa-apa hak atau kepentingan untuk menuntut diatas hartanah/lot berkenaan.
- 1.2 Dengan penerimaan wang tebusan tersebut oleh Kami, hartanah/lot berkenaan hendaklah tidak lagi menjadi perkara kepada cagaran Kami dan hendaklah dilepaskan seterusnya.
- 1.3 Tertakluk kepada penerimaan wang bayaran tebusan sepenuhnya, Kami bersetuju untuk melaksanakan pelepasan cagaran bagi hartanah/lot tersebut diatas sebaik sahaja hakmilik berasingan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan.

- 1.4 Sekiranya pelepasan cagaran tidak boleh didaftarkan, Kami berjanji dan bersetuju untuk mengembalikan kepada Perbendaharaan Malaysia kesemua wang tebusan, tanpa faedah/keuntungan yang telah dibayar bagi hartanah/lot berkenaan dan setelah penerimaan wang tebusan itu oleh Perbendaharaan Malaysia, maka kaveat pendaftar yang dimasukkan hendaklah dibatalkan. Dengan syarat selalunya, setelah Kami menerima bayaran wang tebusan dengan sepenuhnya, dan bilamana Kami sebagai pemegang gadaian kepada tanah yang dicagarkan oleh Pemaju, akan dijual oleh Kami maka Kami berjanji dan bersetuju untuk mengeluarkan atau mengecualikan hartanah/lot berkenaan di atas daripada jualan tersebut.
- 1.5 Sekiranya apa-apa prosiding halang tebus diambil oleh kami sebagai Pemegang Gadaian, Kami berjanji dan bersetuju untuk mengecualikan harta berkenaan di atas dari prosiding halang tebus tersebut. Dengan syarat seterusnya, jika kaveat telah dimasukkan oleh Tuan atas hartanah tersebut ataupun sebahagian daripadanya, Tuan bersetuju dan berjanji untuk memberi persetujuan bertulis untuk tujuan pembatalan dan pengecualian kaveat tersebut mengikut mana yang berkenaan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan Notis bertulis yang diserahkan dan diakui terima oleh Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia.
2. Kami memberi Akujanji untuk memulangkan kepada Tuan segala wang tebusan sekiranya untuk apa-apa sebab pelepasan cagaran Kami bagi harta tersebut tidak boleh didaftarkan dengan syarat hakmilik strata/individu tersebut dikembalikan kepada Kami.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
Tandatangan Pegawai Bank/Institusi Kewangan

.....  
Nama Penandatangan

.....  
Jawatan

Tarikh:.....

.....  
(Cop Rasmi Bank/Institusi Kewangan)

\* Diisikan dengan nama Peminjam Kedua Bagi Pinjaman Bersama.

**(KHAS UNTUK KES ASSIGNMENT DI NEGERI SABAH/SARAWAK)**

**(Hendaklah dibuat dengan menggunakan Letter Head Pemaju/Penjual  
Dan Letter Head Firma Peguam Untuk Perenggan 12)**

**AKUJANJI PEMAJU/TUAN TANAH DAN PEMEGANG PERTARUHAN  
UNTUK MEMINDAHMILIK HAKMILIK INDIVIDU/STRATA KEPADA PEMINJAM  
DAN DIGADAI KEPADA KERAJAAN MALAYSIA**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Kementerian Kewangan  
Blok 8, Tingkat 7-13  
Jalan Duta  
**50592 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**Nama dan alamat penuh Pemaju/Tuan Tanah:.....**  
.....

**Projek Perumahan:.....**

**Butir-butir Hakmilik Induk: No. Hakmilik.....No. Lot.....**

**Lokasi/Blok/Seksyen.....**

**Mukim/Bandar.....**

**Bahagian/Daerah.....**

**Butir-butir Harta (seperti dalam Surat Perjanjian Jual-Beli)**

**Lokasi/Blok/Seksyen.....**

**Mukim/Bandar.....**

**Bahagian/Daerah.....**

**Nama Peminjam/Penerima Biaya (1).....**

**(No. K/P):Baru..... Lama.....**

**\*(2).....**

**(No. K/P):Baru..... Lama.....**

Sebagai balasan kepada Kerajaan Malaysia bersetuju melepaskan kepada Kami sejumlah wang pinjaman/pembiayaan seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman kepada Pembeli/Peminjam/Penerima Biaya yang tersebut diatas secara berperingkat berdasarkan pengeluaran Sijil Arkitek mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan mengikut undang-undang yang berkenaan bagi Negeri Sarawak/Sabah diantara Pembeli/Peminjam/Penerima Biaya, Kami dengan ini **BERSETUJU** seperti berikut:-

1. Memberi kebenaran untuk menyerahkan harta tersebut di atas daripada Peminjam/Penerima Biaya yang tersebut namanya di atas kepada Kerajaan Malaysia;
2. Mengakujajji:-
  - a. untuk menyiapkan pembinaan bangunan dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Perjanjian Jualbeli;
  - b. untuk mendapatkan dan menyerahkan kepada Kerajaan Malaysia, Sijil Kelayakan Menduduki bagi harta tersebut di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Perjanjian Jualbeli;
  - c. untuk memohon dokumen hakmilik individu/strata bagi hartanah tersebut di atas dan apabila dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, mengemukakannya kepada 'Pemegang Pertaruhan' bebas dari sebarang bebanan;
  - d. untuk mengemukakan dokumen hakmilik individu/strata bagi hartanah tersebut di atas kepada Pemegang Pertaruhan dalam tempoh masa enam bulan daripada tarikh Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan; dan
  - e. mendapatkan surat-surat kebenaran pindahmilik dan/atau gadaian daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan mengikut mana yang berkenaan, selepas hakmilik individu dikeluarkan;
3. Menyempurnakan dan menyerahkan kepada Pemegang Pertaruhan Memorandum Pindahmilik yang sah dan boleh didaftarkan, atas nama Pembeli/Peminjam bersama-sama dengan dokumen hakmilik individu.
4. Mengesahkan bahawa Hakmilik Induk .....  
 No. Lot.....Lokasi/Seksyen.....  
 .....Mukim.....Daerah.....  
 yang di atasnya hartanah tersebut didirikan telah digadaikan kepada Tetuan.....  
 .....  
 Yang pejabat berdaftaranya ialah di.....  
 Dan membenarkan Kerajaan Malaysia membuat sebarang bayaran amaun tebusan harta daripada jumlah amaun pembiayaan yang diluluskan, secara terus kepada Pemegang Gadaian.
5. Memulangkan tanpa faedah/keuntungan kepada Kerajaan Malaysia semua bayaran yang telah dilepaskan, sekiranya pembinaan tidak dapat disiapkan dengan sempurna dan/atau Memorandum Melepaskan Gadaian di mana berkenaan. Memorandum Pindahmilik atas nama Peminjam/Penerima Biaya tidak boleh didaftarkan atas apa-apa jua sebab;

6. Sentiasa memaklumkan kepada Kerajaan Malaysia mengenai sebarang urusan seterusnya ke atas Hakmilik Induk dan dalam keadaan sedemikian itu, dengan ini memberi Akujanji untuk mendapatkan Surat Penolakan Tuntutan Kepentingan daripada Pemegang Gadaian untuk mengecualikan harta tersebut di atas daripada sebarang tindakan halang tebus yang mungkin diambil terhadap Pemaju/Tuan Tanah; dan
  
7. Membenarkan Kerajaan Malaysia memasukkan kaveat persendirian melalui Pemegang Pertaruhan atas perbelanjaan Peminjam/Penerima Biaya ke atas Hakmilik Induk dengan Akujanji untuk memberi kebenaran sehubungan dengan permohonan Kami untuk pecah sempadan/pemberimilikan semula Hakmilik Induk dengan mengemukakan surat akuan terima bagi proses pecah sempadan/pemberimilikan semula itu oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan bagi tujuan pengeluaran dokumen hakmilik individu dan permohonan bagi urusan berkenaan tidak boleh dibuat sebelum harta tersebut di atas siap pembinaanya.
  
8. Saya/kami dengan ini mengakujanji untuk memindahmilik hakmilik individu yang diperihal diatas ke dalam nama Peminjam/Peminjam-peminjam/Penerima Biaya sebaik sahaja hakmilik individu dikeluarkan dan menyerahkannya bersama-sama dengan Memorandum Pindahmilik yang sah dan sempurna dilaksanakan kepada Firma Peguam yang menjadi Pemegang Pertaruhan.
  
9. Pemegang Pertaruhan yang akan mengambil tindakan untuk melaksanakan Pindahmilik, Gadaian harta dan penyerahan hakmilik dan Pendua Gadaian kepada Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman ialah:-  

.....

(Nama Firma Peguam)

beralamat.....
  
10. Saya/Kami bersetuju bahawa segala pembayaran oleh Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman/Pembiayaan akan dibuat melalui Firma Peguam di atas yang dibenarkan oleh Peminjam/Penerima Biaya dan Firma Peguam itu akan menjadi Pemegang Pertaruhan untuk melaksanakan dokumentasi urusan pindaahmilik dan gadaian seperti yang diperihalkan dalam perenggan (8) dan (9) di atas.
  
11. Saya/Kami bersetuju dengan kaedah bayaran kemajuan seperti yang ditetapkan mengikut undang-undang yang terpakai di Negeri Sarawak dan Sabah.

.....  
Tandatangan Pemaju

.....  
Nama Penandatangan

Tarikh:.....

.....  
Tandatangan Tuan Tanah

.....  
Nama Penandatangan

.....  
Nama Tuan Tanah

.....  
No. K/P. Tuan Tanah  
(Jika kepunyaan individu):-  
Baru.....Lama.....

Alamat Penuh Tuan Tanah:-  
.....  
.....  
.....

Tarikh:.....



12.

**PERAKUAN FIRMA PEGUAM**

(Hendaklah dibuat dengan menggunakan Letter Head Firma Peguam)

Kami telah membaca kandungan-kandungan di atas dan dengan ini **bersetuju** mematuhi kandungan-kandungan itu dan berjanji akan :-

- i. menguruskan penyediaan dan persiapan suratcara kemasukan kaveat persendirian dan mendaftarkannya, serta pembaharuannya di Pejabat Tanah dan Ukur berkenaan sehingga hakmilik individu didaftarkan dan dikeluarkan. Segala perbelanjaan berkenaan dengannya adalah ditanggung oleh Pemohon/Pemohon-pemohon yang dikutip oleh Kami.
- ii. menyerahkan Memorandum Pindahmilik di atas nama Pemohon/Pemohon-pemohon dan Memorandum Gadaian kepada Kerajaan Malaysia yang telah sempurna dilaksanakan untuk pendaftaran di Jabatan/Pejabat Tanah dan Ukur yang berkenaan, sebaik sahaja hakmilik individu telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan dan diterima oleh Kami, dengan syarat amaun perbezaan diantara harga belian dan pinjaman/pembiayaan perumahan telah dijelaskan sepenuhnya oleh Pemohon/Pemohon-pemohon.
- iii. Memberitahu Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman/Pembiayaan butir-butir perserahan untuk **\*\*Pendaftaran Borang L/Nombor-nombor Ingatan Pendaftaran (Register Memorial Numbers)** bagi Memorandum Pindahmilik dan Memorandum Gadaian itu sebaik sahaja ianya dikeluarkan oleh Jabatan/Pejabat Tanah dan Ukur berkenaan; dan
- iv. mengerjakan dengan daya usaha yang sepenuhnya untuk mendapatkan balik Hakmilik Individu daripada Jabatan/Pejabat Tanah dan Ukur berkenaan sebaik sahaja Memorandum Pindahmilik dan Memorandum Gadaian itu sempurna didaftarkan dan menyampaikan Hakmilik Individu dan Pendua Gadaian kepada Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman/Pembiayaan.

.....  
(Tandatangan)

Tarikh:.....

.....  
(Nama Penandatangan)

**UNTUK DIISI OLEH BUKAN PEMOHON JIKA TERDAPAT LEBIH  
DARIPADA SATU NAMA DALAM HAKMILIK/  
PERJANJIAN JUALBELI TETAPI PEMOHON SAHAJA  
MEMOHON PINJAMAN/PEMBIAAYAAN**

**PERSETUJUAN UNTUK MENGGADAIKAN BAHAGIAN YANG TIDAK  
DIPECAHKAN DI ATAS TANAH/PETAK KEPADA KERAJAAN  
OLEH BUKAN PEMOHON**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Kementerian Kewangan  
Blok 8, Tingkat 7-13  
Jalan Duta  
**50592 KUALA LUMPUR**

Saya.....NO. Kad Pengenalan ..... dengan ini bersetuju  
menggadaikan bahagian yang tidak dipecahkan di atas Tanah/Petak seperti di bawah ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai jaminan  
bagi pinjaman yang dicadang hendak dipohon olehnya:-

**\* (A) Hakmilik Tanah (Bagi 'Landed Property')**

- (i) C.T./G.T/EMR/Pajakan/Q.T.(R).....
- (ii) Lot Lot/PT.....
- (iii) Mukim/Bandar.....
- (iv) Daerah.....
- (v) Negeri.....

**ATAU**

**\* (B) Hakmilik Strata (Bagi 'Stratified Property')**

- (i) Hakmilik Strata.....
- (ii) No. Bangunan.....
- (iii) No. Tingkat.....
- (iv) No. Petak.....

Di atas Hakmilik Blok seperti berikut:-

- (i) C.T./G.T./EMR/Pajakan/Q.T.(R).....
- (ii) Lot Lot/PT.....
- (iii) Tempat.....
- (iv) Mukim/Bandar.....
- (v) Daerah.....
- (vi) Negeri.....

.....  
(Tandatangan)

Tarikh:.....

.....  
Nama Penandatangan  
(Pemilik Bahagian Tidak Dipecahkan)

.....  
(Tandatangan Saksi)

Tarikh:.....

.....  
(Nama Penuh Saksi)

.....  
(No.Kad Pengenalan Saksi)

\* *Isi Bahagian (A) atau (B) sahaja mengikut mana yang berkenaan.*  
 \*\* *Jika hakmilik strata belum dikeluarkan, sila nyatakan butir-butir harta seperti dalam Surat Perjanjian Jualbeli.*

**SENARAI KERJA TAMBAHAN UNTUK  
RUMAH KOS RENDAH SAHAJA ATAU KERJA-KERJA UBAHSUAI**

Nama Pemohon .....  
No. Kad Pengenalan .....  
Harta Lot/Plot .....  
Alamat Penuh Harta .....

Item	Kerja-kerja Tambahan Yang Dicadangkan Dengan Ukuran Dan Spesifikasi	Kos Kerja Tambahan (Harga Kontrak)	Catatan

.....  
(Tandatangan Peminjam)

.....  
(Nama Peminjam)

Alamat Penuh (Jabatan) Peminjam;  
.....  
.....  
.....

No. Telefon : .....

Tarikh: .....

.....  
(Tandatangan Kontraktor)

.....  
(Nama Penandatangan)

Alamat Penuh Syarikat Kontraktor;  
.....  
.....  
.....

No. Telefon: .....

Tarikh: .....

**SURAT AKUJANJI MENANGGUNG RUGI (INDEMNITY)  
DARIPADA PEMOHON YANG MENGAMBIL PINJAMAN UNTUK MEMBINA  
RUMAH KEDIAMAN DI ATAS TANAH BUKAN KEPUNYAANNYA**

Ketua Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Tingkat 7-13,Blok 8,  
Jalan Duta,  
50592 KUALA LUMPUR.

Tuan,

Pemohon..... No. K/P.....  
Butir-butir Hakmilik : No. Hakmilik.....  
No. Lot/PT ..... Mukim .....  
Daerah ..... Negeri .....  
Nama Pemilik .....

Saya ..... No K/P ..... dengan ini mengaku bahawa permohonan pinjaman perumahan saya yang dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia adalah untuk membina rumah diatas tanah yang bukan kepunyaan saya tetapi kepunyaan suami/isteri saya.

2. Saya sesungguhnya sedar dan faham akan implikasi ke atas kelonggaran syarat yang diberi dan akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah yang akan timbul berhubung dengan pinjaman saya ini.

3. Saya dengan ini memberi akujanji untuk menanggung rugi ‘indemnity’ Kerajaan Malaysia daripada dan terhadap segala gantirugi,kos guaman dan lain-lain perbelanjaan yang berbangkit daripada kelonggaran syarat untuk mendapat pinjaman membina rumah kediaman di atas tanah yang bukannya kepunyaan saya tetapi kepunyaan suami/isteri .

Yang Benar,

.....  
( Tandatangani Pemohon )

Tarikh: .....

.....  
( Tandatangani Saksi )

.....  
( Nama Pemohon )

.....  
( Nama Saksi )

.....  
( Nama Pemilik )

.....  
No. Kad Pengenalan

**AKUJANJI PEMOHON MENANGGUNG RUGI (INDEMNITY)  
KERANA MEMBELI HARTA DARIPADA PENJUAL (INDIVIDU)  
YANG MASIH ADA HUTANG BANK**

Ketua Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Tingkat 7 - 13, Blok 8,  
Kompleks Kerajaan, Jalan Duta,  
50592 KUALA LUMPUR.

Tuan,

(1) PEMOHON ♦ ..... No. K/P ♦ .....

(2) PEMOHON ♦ ..... No. K/P ♦ .....

BUTIR-BUTIR HAKMILIK

NO. HAKMILIK ♦ ..... NO. LOT / P.T ..... MUKIM .....

DAERAH ..... NEGERI .....

NAMA PEMILIK ♦ .....

Saya/Kami ..... No. K/P .....  
dengan ini mengaku bahawa saya/kami telah mengemukakan permohonan pinjaman perumahan dengan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia.

2. Saya/Kami mengaku akan bertanggungjawab dan akan menanggung apa-apa jua risiko dan tidak akan mempertanggungjawabkan Kerajaan Malaysia atas apa-apa jua sebab pun sekiranya penjual meninggal dunia sebelum pindah milik disempurnakan atau penjual membatalkan Surat Perjanjian Jualbeli atau atas sebab lain di mana harta berkenaan tidak dapat dipindah milik kepada saya/kami dan digadai kepada Kerajaan setelah pinjaman saya/kami dikeluarkan untuk menebus hutang penjual dengan Bank / Institusi Kewangan yang mengakibatkan saya/kami kena membayar balik pinjaman atas harta yang bukan kepunyaan saya/kami.

Yang benar,

(1) .....  
**( Tandatangan Pemohon )** ..... **( Nama Pemohon )**

(2) .....  
**( Tandatangan Pemohon )** ..... **( Nama Pemohon )**

.....  
**( Tarikh )** ..... **( Tarikh )**

.....  
**( Tandatangan Saksi )** ..... **( Nama Saksi )**

.....  
**( No. Kad Pengenalan Saksi )**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Tkt 8, Blok 8, Komplek Pejabat Kerajaan,  
Jalan Duta,  
50592 KUALA LUMPUR

Tuan,

**PENGESAHAN KEUPAYAAN MENJELASKAN WANG BEZA DI ANTARA  
HARGA BELIAN DENGAN AMAUN PINJAMAN YANG DI LULUSKAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya.....No.Kad  
Pengenalan..... mengesahkan bahawa saya akan  
membayar wang beza di antara harga pembelian dengan amaun pinjaman yang akan  
diluluskan . Sumber kewangan yang akan diperolehi adalah melalui ;

- a. Simpanan sendiri/ pengeluaran KWSP/LTAT \*
- b. Pinjaman Kedua/ Gadaian Kedua dengan bank \*

(Jika tuan/puan ingin mengambil Pinjaman Kedua dengan bank sila sertakan surat persetujuan dari bank bahawa pihak bank bersetuju menjadi pemegang gadaian/assignment kedua dan bersedia mengeluarkan bayaran terlebih dahulu bagi menjelaskan wang beza tersebut)

- c. Lain-lain sumber (sebutkan).....  
.....

3. Saya faham dan bersetuju bahawa Bahagian Pinjaman Perumahan akan hanya membuat pembayaran kepada Pemaju/Penjual/Pemegang Pertaruhan selepas saya menjelaskan wang beza itu kepada Pemaju/Penjual/Pemegang Pertaruhan.

Sekian,terima kasih.

Yang benar,

.....  
( Tandatangani )

.....  
( Nama Penandatangan )

Tarikh:.....

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

**AKUJANJI TUAN TANAH (PERBADANAN KERAJAAN NEGERI) BAGI  
PERMOHONAN PINJAMAN /PEMBIAYAAN MEMBELI HARTA TIADA  
HAKMILIK INDUK**

**(menggunakan letter head tuan tanah/pemaju)**

Ketua Setiausaha  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Blok 8, Tingkat 7-13,  
Kompleks pejabat Kerajaan  
Jalan Duta,  
50592 Kuala Lumpur.

Tuan,

Akujanji Penerima Pemberian:.....

Projek Perumahan:-.....

Butir-Butir Harta (seperti dalam Surat Perjanjian Jualbeli):-.....

Nama Pembeli/Peminjam:-.....

Sebagai balasan kepada Kerajaan Malaysia yang membeli kelonggaran dan bersetuju meluluskan pinjaman /pembiayaan kepada pembeli/pemohon bagi membeli harta yang kami bina yang tiada hakmilik induk,kami membuat akujanji:-

- (a) Untuk mengemukakan sesalinan Hakmilik Tetap/Final Title kepada Bahagian Pinjaman Perumahan,Perbendaharaan Malaysia sebaik sahaja hakmilik tersebut dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan untuk memungkinkan Kerajaan Malaysia memasukkan kaveat pendaftar;
- (b) Apabila hakmilik strata/individu dikeluarkan,maka tindakan akan diambil untuk memasukkan nama peminjam/penerima biaya kedalam hakmilik tersebut dan seterusnya menggadaikan harta tersebut kepada Kerajaan Malaysia;dan
- (c) Jika perkara di perenggan (a) dan (b) tidak dapat dikeluarkan oleh Pejabat Tanah,maka tindakan akan dibuat untuk memulangkan balik semua wang-wang yang telah diterima oleh kami daripada Kerajaan Malaysia.



Yang Benar,

.....  
( Tandatangan )

.....  
(Nama Penandatangan)

.....  
(Cop Perbadanan Kemajuan Negeri)

Tarikh.....